

Zurich Malaysia Bekerjasama dengan Global Peace Mission (GPM) Malaysia untuk Melancarkan Inisiatif Bantuan Banjir Komuniti 'Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna'

Kit persediaan banjir bernilai RM25,000 diagihkan kepada komuniti yang berisiko menghadapi banjir



Wakil-wakil dari Zurich Malaysia dan Global Peace Malaysia bekerjasama untuk menderma Kit Persediaan Banjir, membantu penduduk Kampung Bangi

Kuala Lumpur, 14 Disember 2023 – Zurich Malaysia (Zurich) hari ini mengumumkan kerjasama strategik dengan Global Peace Mission (GPM) Malaysia untuk melancarkan inisiatif bantuan banjir, 'Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna'. Inisiatif ini bertujuan menyediakan sokongan menyeluruh serta langkah-langkah kesiapsiagaan untuk komuniti sebelum, semasa, dan selepas kecemasan banjir. Inisiatif ini dikemukakan semasa kebanyakan perniagaan menilai risiko alam sekitar, terutamanya "peristiwa cuaca ekstrem", sebagai antara 10 risiko global utama menurut [Tinjauan Pendapat Eksekutif Forum Ekonomi Dunia \(WEF\) 2023](#) yang baru dilancarkan dengan kerjasama Zurich dan Marsh.

Ketua Pegawai Eksekutif Negara/Ketua Zurich Malaysia, Junior Cho, berkata, "Kerjasama kami dengan GPM Malaysia adalah bukti dedikasi kami yang tidak berbelah bahagi untuk menjadi jenama yang bertanggungjawab, mengutamakan komuniti, serta memperluas perlindungan kami melangkaui insurans dan takaful tradisional. Kami memahami cabaran getir yang dihadapi oleh mangsa banjir, dan kami benar-benar didorong oleh misi kami untuk menyokong dan membantu mereka dengan apa juga cara yang termampu."

"Inisiatif bantuan banjir komuniti ini mencerminkan komitmen ikhlas kami untuk memberi impak positif dalam kehidupan rakyat Malaysia, selaras dengan kempen kami iaitu 'Lindungi Segala Perkara Yang

Bermakna, yang melambangkan keprihatinan kami terhadap kesejahteraan komuniti. Selain itu, Program Daya Tahan Iklim Bandar (UCRP) Zurich Malaysia adalah contoh inisiatif daya tahan iklim berterusan kami, yang terus mengukuhkan komitmen kami untuk mencipta masa depan yang mampan dan berdaya tahan.” tambah beliau.

Ketua Pegawai Eksekutif GPM Malaysia, Ahmad Fahmi Mohd Samsudin menambah, “Kerjasama ini menunjukkan impak transformatif yang mampu dicapai apabila pihak korporat dan NGO berpadu tenaga untuk mengatasi keperluan mendesak dalam komuniti. Menerusi kerjasama dengan Zurich, kami telah menggabungkan kepakaran mereka dalam insurans, takaful dan pengurusan risiko, dengan pengalaman misi kemanusiaan kami untuk meningkatkan kesiapsiagaan dan membantu mereka yang terdedah kepada cabaran berkaitan banjir. Kerjasama sedemikian adalah penting dalam membina daya tahan dan menjamin kesejahteraan rakyat Malaysia, supaya negara kita lebih selamat dan bersedia untuk semua rakyat.”

Inisiatif Utama Bantuan Banjir Komuniti “Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna” Zurich:

- **Kit Persediaan Banjir:** Kerjasama antara Zurich Malaysia dengan GPM Malaysia telah menyediakan 100 kit persediaan banjir yang direka khas untuk komuniti yang menetap di kawasan terdedah kepada risiko banjir. Kit ini adalah hasil sumbangan RM25,000 yang diperoleh daripada ‘Karnival Kita OK!’ Zurich di Pasar Seni pada September 2023. Kit persediaan banjir ini telah diagihkan kepada penduduk Kampung Bangi, sebuah komuniti yang kerap terkena banjir di Selangor, bagi memastikan penduduk memiliki bekalan yang mencukupi, termasuk beg tahan air, ubat-ubatan, power bank, bar tenaga, lampu suluh, kit pertolongan cemas, selimut, air mineral, dan wisel bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kesediaan mereka menghadapi peristiwa iklim yang tidak dijangka.
- **Tip dan Infografik Banjir:** Maklumat penting serta panduan mudah difahami yang dihasilkan untuk mendidik masyarakat tentang cara membuat persediaan awal untuk menghadapi banjir. Infografik ini menawarkan tip dan nasihat praktikal untuk meningkatkan kesiapsiagaan dan keselamatan banjir untuk orang ramai.
- **Video Berunsurkan Pendidikan:** Siri video yang bertujuan mendidik rakyat Malaysia cara bersiap sedia menghadapi banjir, bagi memastikan individu dan komuniti mendapat maklumat tentang cara bertindak balas terhadap kecemasan banjir.

Untuk maklumat lanjut tentang kempen jenama #LindungiSegalaPerkaraYangBermakna dan pendekatan holistik Zurich Malaysia untuk membina masa depan yang lebih cerah, sila layari www.zurich.com.my/CareForWhatMatters.

Untuk mengetahui berita dan acara terkini, layari laman [Facebook](#), [Instagram](#) dan [X](#) Zurich Malaysia.

###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif, membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.

Siaran Media

23 November 2023



Tentang Global Peace Mission (GPM) Malaysia

Global Peace Mission (GPM) Malaysia merupakan Yayasan Amanah yang diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Pejabat Perdana Menteri (PMO) Malaysia. Ia ditubuhkan pada 26 September 2001 sebagai tindak balas kepada keperluan kecemasan untuk konflik Afghanistan. Ketika Afghanistan sangat memerlukan bantuan pada awal Oktober tahun yang sama, GPM telah menggerakkan misi bantuan kemanusiaan dan perubatan untuk membantu mangsa peperangan di situ.

Semenjak itu, selain menyalurkan bantuan kecemasan secara aktif, GPM telah menghulurkan bantuan-bantuan kemanusiaan yang lain bukan sahaja ke Afghanistan, malah kepada hampir 30 negara yang memerlukan di seluruh dunia. GPM telah bergerak aktif mempromosikan kepentingan memupuk dan memelihara keamanan sejagat melalui program-program kesedaran dan maklumat untuk masyarakat serta mengumpul dana untuk membantu mangsa-mangsa peperangan serta bencana alam seperti banjir, gempa bumi, kebuluran dan juga tsunami.